

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 26 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapakah tindakan senarai hitam dikenakan ke atas pelajar yang dapat kelulusan penangguhan pembayaran pinjaman PTPTN kerana sedang melanjutkan pendidikannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 22A.(1), Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi (Akta 566) memperuntukkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif, boleh mengemukakan penyata yang mempunyai nilai bayaran pinjaman tertunggak oleh pelajar dan permintaan kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Imigresen untuk menghalang seseorang pelajar keluar negara sekiranya belum menjelaskan baki tertunggak pinjaman PTPTN. Walau bagaimanapun, mana-mana peminjam yang telah diluluskan penangguhan bayaran balik pinjaman oleh PTPTN, nama mereka tidak akan disenaraihitamkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, PTPTN tidak lagi melaksanakan dasar senarai hitam mulai Jun 2018, di mana kesemua 429,945 peminjam telah dikeluarkan daripada senarai hitam Jabatan Imigresen. Sekian, terima kasih.